

QUALITY INSTRUMENTS OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS (QIIET)

MOHD FAIZ MOHD BAHARAN, AZLISHAM ABDUL AZIZ, NOR AZAM ABDULLAH,
RAZILA KASMIN & MOHD NOR MAMAT

ABSTRAK

Peranan guru berkualiti sememangnya telah terbukti dan memberi impak yang besar terhadap kemenjadian murid. Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu bersikap terbuka, proaktif, produktif dan menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin ke arah penghasilan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. *Quality Instruments Of Islamic Education Teachers* atau singkatannya (QIIET) merupakan satu alat yang dibina untuk mengukur dan menilai tahap kualiti GPI di sekolah. QIIET dibangunkan dengan menerapkan lima elemen utama iaitu penggunaan ilmu pengetahuan, kaedah pengajaran, personaliti diri, motivasi kendiri dan persekitaran guru yang menjadi keperluan GPI dalam era Pendidikan masa kini. QIIET didasarkan oleh dua model iaitu Model Kualiti Guru Cemerlang Pendidikan Islam Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Model Kualiti GPI Mohd Kassim Tisin (2010). Pembangunan QIIET telah disahkan oleh 3 orang pakar utama iaitu Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Dr. Kamarul Azmi Jasmi dan Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat@Kawangit dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.933. Kajian yang dijalankan ke atas 714 orang GPI mendapat tahap kualiti GPI adalah pada nilai min 4.282, SD 0.347. Sehubungan itu, kajian ini menjadi salah satu indikator dalam mewujudkan kualiti guru yang mampu dan jitu khususnya dalam kalangan GPI di sekolah.

Kata Kunci: QIIET, Guru Pendidikan Islam, Sekolah Rendah, Kualiti Guru

PENGENALAN QIIET

Guru yang mempunyai kualiti yang baik diperkuatkan dengan motivasi yang tinggi adalah menjadi harapan negara menghasilkan generasi ilmuan. Tumpuan tahap kualiti GPI melalui lima faktor iaitu faktor penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti, motivasi diri dan persekitaran guru. Sehubungan itu, GPI hendaklah memandang serius budaya kecekapan atau kemahiran berhatap tinggi ini. Hal ini kerana budaya profesionalisme ini mampu menangani tekanan dan menstabilkan emosi guru serta menghargai diri sendiri melalui kelebihan yang dikurniakan Allah kepada mereka. Oleh itu, dalam usaha menjadi guru berkualiti dengan pelbagai cabaran pendidikan, para guru harus bijak menilai keistimewaan diri, di samping sentiasa berusaha menjadi guru berjiwa rabbani.

Bagi mempertingkatkan kualiti GPI selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam, GPI perlu mempunyai karakter dan personaliti sebagai seorang murabbi, ianya amat sukar dibudayakan oleh GPI kerana berbeza latar belakang pendidikan awal yang mereka diterima (Abdullah Md. Din, 2011). Oleh itu, kajian-kajian bagi membangunkan dan mempertingkatkan profesiion GPI perlu dibuat secara berterusan dan direalisasikan oleh semua guru melalui ukuran dan penilaian profesionalisme yang menyeluruh dan berkesan.


RINGKASAN QIIET



Dibangunkan berdasarkan tinjauan dan kajian perpustakaan pada;

MODEL GURU CEMERLANG AL-GHAZALI,
MODEL GURU CEMERLANG (KAMARUL AZMI JASMI, 2010),
MODEL STANDARD GURU MALAYSIA KPM (2009)
MODEL GURU BERKESAN (ABDULL SUKOR SHAARI, 2008),
REKA BENTUK KUALITI GURU PERMULAAN (CHEE KIM MANG, 2008)

METODOLOGI




KEPATUHAN SHARIAH

Peranan dan tanggungjawab GPI sebagai **MUDARRIS, MUALLIM, MUADDIB, MURABBI DAN MURSYID** perlu dihayati dan diamalkan sepanjang masa melalui benih-benih kebaikan yang ditanam dalam jiwa anak-anak didik di sekolah. Anak didik ini mempunyai keyakinan yang tinggi kepada GPI supaya dapat membimbing, mengajar, mendidik dan membantu mereka menjadi insan yang terbaik dan hamba yang taat kepada pencipta-Nya di dunia dan akhirat selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) (Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd hamzah, 2012).

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFIKAN QIIET



GARIS PANDUAN DAN RUJUKAN KEPADA PEMBENTUKAN KUALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM

KEASLIAN QIIET

KESAHAN KANDUNGAN MELALUI PAKAR RUJUK:

1. Prof Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri - Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
2. Prof Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi - Pensyarah Kanan UTM, Skudai Johor
3. Prof Madya Dr. Razaleigh Muhamat@Kawangit - Pensyarah Kanan / Fellow Kanan UKM

KESAHAN KANDUNGAN MELALUI ANALISIS FAKTOR (CFA)

1. Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) 0.968 dan ujian Bartlett's Test of Sphericity (40332.880) juga signifikan (p) bersamaan dengan 0.000.

NILAI KEBOLEHPERCAYAAN:

1. Nilai Cronbach's Alpha adalah 0.933 untuk lima konstruk soal selidik yang dijalankan ke atas 30 orang GPI Daerah Klang.

KAJIAN LAPANGAN:

1. Dijalankan ke atas 714 orang GPI Sekolah Kebangsaan dengan populasi seramai 7136 GPI Negeri Selangor
2. Kajian Kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik.

PEMBENTANGAN & PENERBITAN

PEMBENTANGAN:

1. International Conference On Global Education IV 2018. Fakulti Pendidikan UKM & Universitas Ekaaksi Padang Indonesia dengan kerjasama Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.
2. International Postgraduate Research Conference (IPRC) 2018 di UniSZA
3. Seminar Nasional Dakwah dan Syiar Islam (SENADA) 2019

PENERBITAN:

1. Journal of Management And Operation Research (JOMOR) 2018
2. Buku Prosiding International Conference On Global Education IV 2018
3. Buku Prosiding International Postgraduate Research Conference (IPRC) 2018
4. Buku Prosiding Seminar Nasional Dakwah dan Syiar Islam (SENADA) 2019